

# Amanat bekas Ketua Hakim Negara

**KUALA LUMPUR 19 Julai** - Bekas Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Mohamad yang sebelum ini pernah memberi amaran mengenai bahaya menjalinkan kerjasama politik dengan DAP terhadap masa depan orang Melayu hari ini secara berkias mengingatkan semua pihak agar tidak



**ABDUL HAMID MOHAMAD**

bekerjasama dengan musuh bagi menghancurkan bangsa sendiri.

Dalam kenyataan dinamakan 'Amanat Tun Hamid' itu, beliau mengambil analogi 'nakhoda' dan 'kapal' dalam meluahkan peringatan yang boleh difahami merujuk kepada situasi politik semasa memabitkan penubuhan parti baharu oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad yang bakal bekerjasama dengan DAP, PKR dan PAN dalam satu pakatan.

Menerusi kenyataan ringkas tetapi sarat teguran itu, Abdul Hamid menggariskan empat contoh situasi yang perlu dielakkan sama sekali oleh mana-mana nak-

hoda bagi mengelakkan perkara buruk berlaku kepada kapal yang dikehenduki.

Pertama, kata beliau, "Jangan bakar kapal kerana tidak sukakan nakhoda," dan diikuti dengan peringatan 'Jangan bersekongkol dengan nakhoda kapal musuh untuk membakar kapal sendiri'.

Kemudian, bekas Ketua Hakim Negara itu dalam kiasan kapal dan nakhoda terus mengingatkan agar 'Jangan bakar kapal kerana tidak mahu melepaskan jawatan'.

Terakhir dalam peringatan tersebut, Abdul Hamid berkata; "Jangan pula ada orang yang terlalu mahu menjadi nakhoda sehingga sanggup membakar kapal."

Menyimpulkan amanat beliau dalam enam baris ayat itu, Abdul Hamid mahu semua pemimpin tidak menjadi seperti nakhoda yang disebut beliau itu kerana jika tidak, katanya;

"Semua itu kerja orang bebal. Fikir."

U.M. 20/7/16